

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi di Kolej Universiti Islam Melaka Melakukan Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian
Norly Marlia Kamaruddin, Noor Azlin Mohd Kasim, Sarimah Ahmad, Anis Suziana Safaruzaman

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MAHASISWA IJAZAH SARJANA MUDA DARI FAKULTI INOVASI PERNIAGAAN DAN TEKNOLOGI DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA MELAKUKAN PEKERJAAN SAMBILAN SEMASA PENGAJIAN

Norly Marlia Kamaruddin¹, Noor Azlin Mohd Kasim², Sarimah Ahmad³ & Anis Suziana Safaruzaman⁴

^{1,2,3} Pensyarah Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka,

⁴ Pelajar Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's email: norlymarlia@kuim.edu.my

Article History :

Received : 28 September 2021

Accepted : 9 December 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor pendorong mahasiswa melakukan pekerjaan sambilan semasa mereka masih di peringkat pengajian. Seramai 74 responden yang terdiri daripada mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi (FIPT), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) terlibat. Objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tindakan tersebut antaranya disebabkan sumber kewangan, pengalaman kerja atau bagi mengisi masa lapang. Analisis data seperti data deskriptif, skor min dan analisis regrasi dilakukan dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23. Terdapat tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu sumber kewangan, pengalaman kerja dan mengisi masa lapang manakala pembolehubah bersandar ialah pekerjaan sambilan semasa pengajian. Hasil yang diperolehi menunjukkan faktor sumber kewangan dan mengisi masa lapang mempengaruhi pekerjaan sambilan semasa pengajian.

Kata Kunci : *Sumber Kewangan, Pengalaman Kerja, Mengisi Masa Lapang, Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian.*

FACTORS AFFECTING BACHELOR'S DEGREE STUDENTS FROM THE FACULTY OF BUSINESS INNOVATION AND TECHNOLOGY AT THE ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MELAKA DOING PART-TIME EMPLOYMENT DURING STUDIES

ABSTRACT

This study was conducted to identify the factors that influence students to do part-time job during studies among undergraduate students of the Faculty of Innovation Business and Technology (FIPT), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). The main objective of this study to identify whether financial resources, work experience and fill free time are factors that influence students' perceptions of part-time job during their studies. A total of 74 respondents who are FIPT students were involved in this study. Data analysis such as descriptive data, mean scores and regression analysis was performed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23 software. The results obtained show the factors of financial resources and filling free time influencing part-time job during studies.

Keywords: *Financial Resources, Working Experience, Fill Free Time, Part Time Job During Studies.*

PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, senario bekerja secara sambilan di kalangan mahasiswa di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi. Kebanyakan mahasiswa mengisi masa lapang mereka semasa hujung minggu atau cuti semester dengan melakukan pekerjaan sambilan. Melalui kajian yang dilakukan oleh Khairil Rasyidi & Ros Zam Zam (2018), terdapat Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang memperuntukkan bahawa pihak universiti tidak mempunyai apa-apa halangan bagi seseorang mahasiswa untuk bekerja selagi pekerjaan tersebut tidak mencemarkan nama baik universiti. Selain itu, pekerjaan sambilan memberikan pelbagai manfaat kepada mahasiswa kerana mereka dapat mencari duit poket, pengalaman kerja dan mengisi masa lapang dan sebagainya. Ekonomi yang semakin mancabar menyebabkan mahasiswa perlu berhadapan dengan kos perbelanjaan yang tinggi semasa pengajian. Menurut kajian oleh Amsyar Hasif Abdul Taib & Suhaila Saad (2019) menjelaskan keperluan kewangan mahasiswa kini bukan hanya kepada makanan malah keperluan lain seperti kos penginapan, pengangkutan dan kos bahan pengajian lain terutamanya kepada mahasiswa yang tidak menginap di kolej kediaman. Tambahan lagi, menurut kebanyakan mahasiswa yang menerima biasiswa dan pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah tidak mencukupi untuk mereka membiayai yuran pengajian serta kos perbelanjaan sara diri semasa pengajian menyebabkan mereka memilih untuk melakukan pekerjaan sambilan (Khairil Rasyidi & Ros Zam Zam, 2018). Antara bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh mahasiswa adalah seperti bekerja sebagai pelayan di restoran, jurujual atau pekerja am di pusat membeli belah dan pekerjaan hotel, (Suhaila et. al 2016). Sehubungan itu, kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui faktor mahasiswa mengenai pekerjaan sambilan semasa pengajian melalui pelbagai aspek yang mempengaruhi seperti sumber kewangan, pengalaman bekerja dan mengisi masa lapang.

Objektif bagi kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti faktor sumber kewangan mempengaruhi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian.
- ii. Mengenalpasti faktor pengalaman kerja mempengaruhi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian.
- iii. Mengenalpasti faktor mengisi masa lapang mempengaruhi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian

Kerja sambilan mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud kerja yang dibuat iaitu secara sambilan di samping kerja biasa atau kerja tetap yang lain (Suhaila et al., 2016). Pelbagai perubahan dalam mekanisma pembiayaan mengakibatkan peningkatan mahasiswa dalam melakukan pekerjaan semasa pengajian akademik. Meskipun jumlah sebenar bagi pelajar yang bekerja sambilan sukar ditentukan tetapi terdapat beberapa kajian mendapati antara 50 hingga 60 peratus daripada semua pelajar universiti terlibat dalam beberapa bentuk pekerjaan sambilan (Tumin & Ahmad Faizuddin, 2018). Selain itu, perkembangan teknologi yang semakin memberangsangkan membuka ruang lingkup pekerjaan sambilan menjadi mudah dan meluas seperti menawarkan perkhidmatan e-hailing, dan perniagaan atas talian. Amsyar Hasif Abdul Taib & Suhaila Saad, 2019 menyatakan kesan daripada ledakan teknologi, pelajar akan lebih mudah untuk melakukan pekerjaan sambilan apabila menghadapi masalah kewangan. Pekerjaan seperti itu juga lebih fleksibel untuk para pelajar menceburkan diri untuk melakukan pekerjaan sambilan semasa waktu lapang. Melalui kajian Rozita Baba et. al (2018) mendapati kebanyakan pelajar bekerja sambilan dalam sektor perkhidmatan iaitu selepas tamat waktu persekolahan pada cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Malah dalam kajian beliau juga menunjukkan semakin banyak masa yang digunakan bagi pekerjaan sambilan, semakin kurang masa untuk hiburan seperti menonton televisyen dan membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah.

Sumber Kewangan

Kajian oleh Aisyah Abdul Rahman & Wajeeha Zulkifly (2016) menyatakan wang merupakan suatu aset yang penting bagi keperluan individu terutamanya kepada mahasiswa bagi menghadapi keadaan ekonomi yang semakin mencabar. Selain itu, Alecia Puyu & Anuar (2017) menegaskan bahawa pengurusan kewangan yang tidak efektif akan menyebabkan masyarakat menghadapi masalah kewangan. Pengurusan kewangan dan corak perbelanjaan sangat penting dalam memastikan wang dibelanjakan dengan bijak supaya masyarakat tidak mengalami masalah kesempitan wang dimana ianya sering dihadapi oleh mahasiswa samada dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Faktor kewangan menyebabkan pelajar masa ini mengambil keputusan untuk bekerja sambilan. Mahasiswa yang terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah sering mengambil keputusan membuat pekerjaan sambilan bagi menampung kos pengajian. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Dennis et. al (2018) mendapati bagi mengatasi masalah kewangan kebanyakan mahasiswa akan melakukan pekerjaan sambilan. Rozita Baba et. al (2018) mula berpendapat pelajar melakukan pekerjaan sambilan bagi meneruskan kehidupan dan pengajian termasuklah membayar sewa rumah, makanan, membeli buku, yuran pengajian dan lain-lain. Melalui kajian Suhaila et. al (2016) berpendapat juga bahawa faktor utama mahasiswa bekerja sambilan disebabkan oleh faktor masalah kewangan dimana pekerjaan sambilan boleh memberikan kepuasan kewangan yang tinggi kepada mahasiswa. Kajian beliau juga menyatakan perasaan mampu membeli sesuatu dengan menggunakan kewangan sendiri akan membawa sesuatu perasaan yang tidak dapat diterjemahkan. Oleh itu, jelaslah melalui pekerjaan sambilan dapat memberikan satu kepuasan kewangan yang tinggi kepada mahasiswa. Andemariam et. al (2016) bersetuju bahawa pemberian dan had pinjaman tidak dapat menampung kos pendidikan mahasiswa sepenuhnya. Mahasiswa juga tidak mendapat sokongan kewangan yang banyak dari ibu bapa lebih-lebih lagi ibu bapa yang mempunyai tanggungan kewangan yang lain. Jelaslah, mahasiswa bekerja sambilan sebagai jalan penyelesaian bagi masalah kewangan untuk mereka meneruskan pengajian di alam universiti.

Pengalaman Kerja

Pengalaman bekerja graduan baru didefinisikan sebagai pengalaman yang diperoleh seseorang di tempat kerja semasa melanjutkan pelajaran atau sebelum memulakan perjalanan kerjaya mereka. Secara empirikal terdapat bukti pengalaman kerja yang berkaitan dengan bidang akademik seseorang yang dapat meningkatkan purata mata gred pelajar (Kyra Law et al., 2020). Melalui akhbar online 'Metro' ada menyatakan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia


Prof Datuk Nor Aziah Mohd Awal bahawa pekerjaan sambil merupakan pengalaman mahal yang tidak boleh diperolehi mahasiswa melalui buku akademik sekali gus menjadikan mereka lebih matang dan bersedia memasuki industri (Metro, 2016). Menurut kajian oleh Tumin dan Ahmad Faizuddin (2018), menyatakan mahasiswa dapat mengaitkan pengalaman kerja sambil seiring dengan pengetahuan akademik, motivasi dan prospek pekerjaan di masa akan datang. Tambah pengkaji lagi sejumlah penyelidikan menyimpulkan dengan gabungan keperluan kewangan dan peluang untuk menimba pengalaman akan meningkatkan peluang kerjaya di masa hadapan. Selain itu, kemahiran kerja sukar untuk diajar di dalam kelas. Latihan dan pengalaman berdasarkan pekerjaan didapati meningkatkan kemungkinan untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian (Dennis et al., 2018). Pengalaman bekerja juga merupakan suatu perkara berharga yang boleh diperolehi oleh mahasiswa sekiranya mereka menceburkan diri dalam pekerjaan sambil. Terdapat suatu kajian oleh Khairil Rasyidi & Ros Zam Zam (2018) yang menyatakan mahasiswa universiti yang melakukan pekerjaan sambil bukan hanya bermatlamatkan keuntungan semata-mata namun mereka menjadikan pengalaman yang diperolehi semasa bekerja sambil sebagai salah satu keutamaan manakala pengalaman kerja yang diperolehi tersebut boleh menjadi aset kepada diri pelajar sendiri bagi menghadapi saingan pekerjaan pada masa akan datang (Khairil Rasyidi & Ros Zam Zam, 2018). Menurut Ershad Ali (2017), pekerjaan sambil membolehkan pelajar universiti menjana pendapatan tambahan dan membantu mereka untuk memperoleh pengalaman bekerja. Selain itu, kajian oleh Kyra Law Lew Sy dan Kue Wei Xin (2020) berpendapat mahasiswa bukan sahaja memperoleh pengalaman bekerja yang sebenar, malah mahasiswa juga dapat meneroka identiti mereka, peranan sosial dan mengembangkan kemahiran. Kemahiran tersebut merangkumi komunikasi, kerja berpasukan, hubungan interpersonal dan peningkatan kemahiran pengurusan dan pelaksanaan projek. Sehubungan itu dapat disimpulkan pengalaman bekerja dapat memberikan kebaikan kepada mahasiswa.

Mengisi Masa Lapang

Abd. Muhyi Batubara (1996) mendefinisikan masa lapang sebagai bahagian terpenting dalam kehidupan dan setiap orang bebas untuk menggunakan masa lapangnya. Menurut Suhaila et. al (2016) mahasiswa boleh melakukan pekerjaan sambil jika mempunyai masa lapang selepas kelas atau pada waktu cuti. Pengkaji juga berpendapat bekerja sesuai dengan bidang yang dipelajari adalah sangat bagus bagi mahasiswa dan dapat mengelak mereka daripada terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat. Rozita Baba et. al (2018) menyatakan sebahagian pelajar bekerja dalam sektor perkhidmatan secara sambil iaitu selepas tamat waktu persekolahan, pada cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Pengkaji juga menunjukkan semakin banyak masa yang digunakan untuk pekerjaan sambil, semakin kurang masa untuk hiburan seperti membuang masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Tambahan lagi, kerja sambil yang dilakukan oleh mahasiswa di universiti dapat memberi peluang kepada mahasiswa mengisi masa lapang, merasai pengalaman kerja dan menambah pendapatan sampingan. Akan tetapi berdasarkan penemuan kajian, disarankan semua pihak termasuk ibu bapa dan institut pengajian tinggi serta kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan mahasiswa menggunakan masa dengan sebaiknya bagi mengimbangi pekerjaan sambil dan pelajaran (Khairil Rasyidi & Ros Zam Zam, 2018). Selain itu, Elma Mardelina dan Ali Muhson (2017) menyatakan mahasiswa melakukan pekerjaan sambil untuk mengisi masa lapang disebabkan jadual kuliah yang tidak padat, keinginan hidup berdikari dan lain-lain. Satu kajian telah dilakukan oleh J Marcos Popey et al., (2014) kepada pelajar perubatan universiti awam Malaysia dimana responden ini juga terlibat dalam pelbagai jenis pekerjaan seperti perniagaan dalam talian, menjual makanan ringan, menjadi pembantu penyelidik dan pengedar produk. Pekerjaan sambil yang dilakukan adalah fleksibel dan mahasiswa perubatan ini yang kita maklum adalah golongan yang memerlukan fokus yang tinggi dan mengutamakan pelajaran turut juga menghabiskan hujung minggu dan cuti mereka dengan melakukan pekerjaan sambil.

KERANGKA KAJIAN

Kerangka kajian ini dirujuk daripada kajian Suhaila Nadzri, Rabi'atul Adawiyah Seh Nilamuddin, Nuzul Akhtar Baharudin, Siti Syuhada Abd Rahman, 2016.



Rajah 1: Kerangka Kajian

METODOLOGI

Dalam kajian ini kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat adalah melalui borang soal selidik. Kajian ini bertujuan mengkaji faktor mempengaruhi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian. Terdapat tiga faktor telah dikenalpasti iaitu menambah sumber kewangan, mendapatkan pengalaman kerja serta mengisi masa lapang. Berdasarkan persampelan ini, mengikut formula Tabachnick dan Fidell (2007), jumlah sampel yang diperlukan adalah seramai 74 orang responden dikalangan mahasiswa dari Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi (FIPT). Pengkaji juga menggunakan analisis deskriptif dan analisis regresi dalam kajian.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Maklumat Demografi

	<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i> Lelaki	17	23.0	23.0	23.0
Perempuan	57	77.0	77.0	100.0
Total	74	100.0	100.0	

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa perempuan telah menjawab soal selidik ini iaitu sebanyak 77 peratus mewakili 57 orang manakala selebihnya mahasiswa lelaki mewakili 23 peratus iaitu seramai 17 orang.

Jadual 2: Program Pengajian Mahasiswa

		<i>Frequency</i>	<i>Percent</i>	<i>Valid Percent</i>	<i>Cumulative Percent</i>
<i>Valid</i>	BBAF	20	27.0	27.0	27.0
	BBAE	15	20.3	20.3	47.3
	BBAMGT	12	16.2	16.2	63.5
	BBAMKT	10	13.5	13.5	77.0
	BACC	5	6.8	6.8	83.8
	BIBT	10	13.5	13.5	97.3
	BBAEC	2	2.7	2.7	100.0
	Total	74	100.0	100.0	

Manakala Jadual 2, data menunjukkan pengkelasan mengikut program pengajian responden. Seramai 20 orang responden terdiri daripada (27%) program BBAF, 15 orang responden terdiri daripada (20.3%) program BBAE dan seramai 12 orang responden terdiri daripada (16.2%) program BBAMGT. Seterusnya, seramai 10 orang responden terdiri daripada (13.5%) program BBAMKT dan seramai 5 orang terdiri daripada (6.8%) program BACC. Diikuti seramai 10 orang responden yang terdiri daripada (13.5%) program BIBT dan seramai 2 orang responden daripada (2.7%) program BBAEC.

Skor Min

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik dekriptif dengan yang melibatkan nilai min. Min ialah purata bagi nilai-nilai cerapan dalam satu set data. Bagi mendapatkan nilai purata min bagi setiap faktor pembolehubah, pengkaji telah menggunakan perisian Statistic Package of Social Science Version 23 (SPSS).

Jadual 3: Statistik Deskriptif

	N	Min
Sumber Kewangan	74	4.2905
Pengalaman Kerja	74	4.5169
Masa Lapang	74	3.9324
<i>Valid N (listwise)</i>		

Jadual 3 menunjukkan nilai purata min bagi setiap faktor pembolehubah yang tidak bersandar yang telah digunakan dalam kajian terhadap faktor pekerjaan sambilan semasa pengajian dikalangan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi (FIPT), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Analisis min digunakan untuk mengenalpasti faktor yang paling mempengaruhi pembolehubah bersandar. Faktor pengalaman kerja merupakan faktor utama yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda FIPT melakukan pekerjaan sambilan iaitu memperolehi nilai skor min sebanyak 4.5169. Seterusnya, nilai skor min kedua tertinggi ialah sumber kewangan dengan menunjukkan nilai sebanyak 4.2905. Faktor masa lapang menunjukkan nilai min yang rendah iaitu 3.9324.

Analisis Regresi

Jadual 4: Regresi

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics					Durbin - Watson
					R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change	
1	.544 ^a	.296	.266	.42844	.296	9.810	3	70	.000	2.220

a. Predictors: (Constant), Masa Lapang, Sumber Kewangan, Pengalaman Kerja
 b. Dependent Variable: Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian

Jadual 5: Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	95.0% Confidence Interval for B	
		B	Std. Error	Beta			Lower Bound	Upper Bound
1	(Constant)	1.137	.589		1.929	.058	-.039	2.312
	Sumber Kewangan	.245	.110	.238	2.240	.028	.027	.464
	Pengalaman Kerja	.158	.127	.143	1.246	.217	-.095	.412
	Masa Lapang	.242	.076	.350	3.158	.002	.089	.394

a. Dependent Variable: Pekerjaan Sambilan Semasa Pengajian

Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian dapat dirumuskan melalui hipotesis berikut:

Hipotesis 1: Faktor yang mempengaruhi antara pekerjaan sambilan semasa pengajian dengan sumber kewangan.

Sumber Kewangan merupakan pembolehubah tidak bersandar yang pertama. Tahap signifikan regresi antara pengaruh pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar adalah tidak melebihi 0.05. Hipotesis untuk pembolehubah ini ialah:

H₀: Sumber kewangan bukan merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian.

H₁: Sumber kewangan merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian.

Berdasarkan Jadual 5 iaitu Jadual Coefficients dimana menunjukkan bahawa tahap signifikan bagi pembolehubah sumber kewangan adalah 0.028 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan keputusan ini menolak H₀ dan menerima H₁. Hal yang demikian membuktikan bahawa sumber kewangan merupakan faktor yang mempengaruhi keputusan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi berminat melakukan pekerjaan sambilan semasa pengajian.

Hipotesis 2: Faktor yang mempengaruhi antara pekerjaan sambil semasa pengajian dengan pengalaman kerja.

Pengalaman kerja merupakan pembolehubah tidak bersandar yang kedua. Tahap signifikan regresi antara pengaruh pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar adalah tidak melebihi 0.05. Hipotesis untuk pembolehubah ini ialah:

H₀: Pengalaman kerja bukan merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian.

H₁: Pengalaman kerja merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian.

Berdasarkan Jadual 5 iaitu jadual Coefficient telah menunjukkan bahawa tahap signifikan bagi pembolehubah pengalaman kerja ialah 0.217 lebih besar daripada nilai 0.05. ini menunjukkan keputusan yang diperolehi menolak H₁ dan menerima H₀. Oleh itu, ianya menunjukkan bahawa pengalaman kerja bukan merupakan faktor yang mempengaruhi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi terlibat atau melakukan pekerjaan sambil semasa masih di alam pengajian.

Hipotesis 3: Faktor yang mempengaruhi antara pekerja sambil semasa pengajian dengan mengisi masa lapang.

Mengisi masa lapang merupakan pembolehubah tidak bersandar yang ketiga. Tahap signifikan regresi antara pengaruh pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar adalah tidak melebihi 0.05. Hipotesis untuk pembolehubah ini ialah:

H₀: Mengisi masa lapang bukan merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian.

H₁: Mengisi masa lapang merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian.

Berdasarkan Jadual 5 iaitu Jadual Coefficients dimana menunjukkan bahawa tahap signifikan bagi pembolehubah mengisi masa lapang adalah 0.002 iaitu lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan keputusan ini menolak H₀ dan menerima H₁. Secara tidak langsung ianya dapat membuktikan bahawa mengisi masa lapang merupakan faktor yang mempengaruhi tindakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hanya dua daripada tiga faktor menunjukkan keputusan signifikan positif dalam mempengaruhi keputusan pelajar Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi melakukan pekerjaan sambil semasa pengajian iaitu bagi mendapatkan sumber kewangan dan ingin mengisi masa lapang. Tidak dapat dinafikan, peningkatan kos sara hidup kini benar-benar mendorong mahasiswa yang menuntut di instituti pengajian tinggi mengambil keputusan untuk bekerja sambil belajar. Masalah kewangan isi rumah mendesak mereka untuk mencari wang tambahan bagi menampung kehidupan mereka di universiti bagi membayar sewa rumah, membeli makanan, membayar yuran pengajian, membantu meringankan perbelanjaan keluarga dan lain-lain. Walaubagaimanapun, mahasiswa yang melakukan kerja sambil ini diingatkan agar perlu bijak membahagikan masa di antara keperluan bekerja dan tanggungjawab mereka sebagai seorang mahasiswa supaya tidak kecundang dalam pelajaran. Mahasiswa juga perlu sentiasa menyematkan tekad untuk mengutamakan pelajaran kerana pendidikan yang diperolehi mampu membantu mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan sesuai dengan kelayakan pendidikan yang mereka peroleh samada diploma atau ijazah sarjana muda. Kami selaku tenaga pengajar juga bercadang untuk melanjutkan kajian ini dengan mengkaji impak pandemik Covid 19 terhadap ekonomi isi rumah, sama ada ianya turut memberi kesan terhadap keputusan ibu bapa menghantar anak-anak menyambung pengajian di peringkat universiti.

RUJUKAN

- Abd. Muhyi Batubara (1996) Amalan Aktiviti Masa Lapang Remaja Sekolah Di Kotamadya Medan.
- Aisyah Abdul-Rahman & Wajeaha Zulkifly, (2016) Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (2). pp. 85-94. ISSN 0128-2735
- Alecia Puyu Anak Seman & Anuar Bin Ahmad (2017). Perbelanjaan Dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kajian Perbandingan Antara IPTA dan IPTS.
- Amsyar Hasif Abdul Taib & Suhaila Saad (2019). Kesan Bekerja Secara Sambilan ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar (The Impact of Part- Time Job on Students' Academic Performance), 145–151.
- Andemariam, K., Tsegai, S., Andre, R., Dhumal, P., & Tessema, M. (2015). Work participation and academic achievement: Theoretical and practical implications. January 2015.
- Dapat duit, dapat pengalaman.* (25, Julai,2016). Metro Online
- Dennis, C., Louca, V., & Lemon, J. (2018). Term-time Employment and Student Attainment in Higher Education. *Journal of Perspectives in Applied Academic Practice*, 6(1), 28–38.
- Elma Mardelina & Ali Muhson (2017). Mahasiswa Bekerja Dan Dampaknya Pada Aktivitas Belajar Dan Prestasi Akademik.
- Ershad Ali (2017). Impact of Part Time Work on the Academic Performance of International Students. *Journal of International Business, Economics and Entrepreneurship*, 2(1)
- J Marcos Popey, Nor Amira Syahira, YJ Teoh, H Titi Rahmawati, BZ Huda, (2014). Prevalence, Influencing Factors and Perception of Part Time Employment Among Undergraduate Medical Students in a Public University in Malaysia. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences J Marcos Popey*, 1(1), 88–98.
- Khairil Rasyidi, I., Ros Zam Z. S. (2018). Faktor-Faktor Keterlibatan Pelajar Universiti Dalam Kerja Sambilan (Factors of University Students Involvement In Part Time Work). *Jurnal Personalia Pelajar* 22(1): 1-9. Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kyra Law Ley Sy, Kue Wei Xin (2020). The Anticipation of Working Experiences among Students from Private Institutes in Klang Valley: A Qualitative Perspective. 13(1), 60–70.
- Rozita Baba, Nur Zafirah Muhammad Nor, Muhammad Amirul Fikri Hamzah (2018). Kerja Separuh Masa : Faktor, Status Pelajar Dan Kesan Ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 3(1), 86–94.
- Suhaila, N., Rabi'atul Adawiyah, S. N., Nuzul Akhtar, B., & Siti Syuhada, A. R. (2016). Faktor yang Mendorong Mahasiswa IPT Membuat Kerja Sambilan. *Education + Training*, 2(2), 380–390.
- Tumin & Ahmad Faizuddin (2018). The Experiences of Working While Studying: A Case Study of Postgraduate Students at International Islamic Imam Al-Ghazali Project View project. March, 24–26.